

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 11 September 2025**

## KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA JULAI 2025

---

**Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia bertambah baik kepada 4.2 peratus pada Julai 2025, dipacu oleh pengembangan dalam sektor Pembuatan dan Perlombongan**

**PUTRAJAYA, 11 SEPTEMBER 2025** – Indeks Pengeluaran Perindustrian bertambah baik kepada 4.2 peratus tahun ke tahun pada Julai 2025, dipacu oleh pengembangan dalam sektor Pembuatan dan Perlombongan. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Julai 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 4.2 peratus pada Julai 2025 selepas merekodkan pertumbuhan sederhana 2.9 peratus pada bulan sebelumnya. Pengembangan ini disokong terutamanya oleh sektor Pembuatan yang meningkat 4.4 peratus (Jun 2025: 3.6%), sementara sektor Perlombongan memulih kepada 4.3 peratus (Jun 2025: -0.01%). Selain itu, sektor Elektrik bertumbuh sebanyak 1.6 peratus, kekal positif walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding 2.3 peratus pada Jun 2025. Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP menurun mencatatkan pertumbuhan negatif 0.3 peratus, berbeza dengan pertumbuhan positif 7.5 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, "Peningkatan dalam output Pembuatan pada Julai 2025 disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan eksport iaitu sebanyak 4.1 peratus berbanding 2.9 peratus yang direkodkan pada Jun 2025. Kenaikan tersebut diterajui terutamanya oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal; dan Pembuatan jentera & peralatan t.t.t.l. yang mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 8.5 peratus dan 10.2 peratus. Tambahan lagi, Pembuatan perabot juga mengalami lonjakan sebanyak 11.1 peratus pada bulan tersebut. Pengembangan tahun ke tahun ini adalah selari dengan prestasi eksport barang kerilangan negara yang bertambah baik dengan mencatatkan pertumbuhan negatif yang lebih kecil iaitu 1.5 peratus pada Julai 2025. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport jatuh 2.2 peratus berbanding pertumbuhan positif 11.9 peratus pada Jun 2025.

Sementara itu, industri berorientasikan domestik kekal stabil pada 5.0 peratus berbanding peningkatan 5.1 peratus yang direkodkan pada Jun 2025. Pertumbuhan berterusan ini disumbangkan oleh momentum positif yang direkodkan dalam kesemua subsektor kecuali bagi Pembuatan kertas & produk kertas yang mencatatkan penurunan 2.1 peratus pada Julai 2025. Pembuatan pengeluaran berkaitan aktiviti pembinaan iaitu Pembuatan logam asas; dan Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan masing-masing meningkat 7.4 peratus dan 4.1 peratus. Berbanding bulan Jun 2025, industri berorientasikan domestik meningkat 1.0 peratus berbanding negatif 3.1 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Pengeluaran sektor Perlombongan pada Julai 2025 meningkat 4.3 peratus disokong oleh kenaikan dalam kedua-dua komponen iaitu indeks Minyak Mentah & Kondensat pulih 1.0 peratus (Jun 2025: -3.2%), diikuti oleh indeks Gas Asli yang terus berkembang 6.8 peratus (Jun 2025: 2.3%). Berbanding bulan sebelumnya, indeks Perlombongan menyederhana kepada positif 2.2 peratus, lebih rendah daripada pertumbuhan positif 15.8 peratus yang direkodkan pada Jun 2025. Sementara itu, penjanaan Elektrik bertumbuh 1.6 peratus tahun ke tahun pada Julai 2025 (Jun 2025: 2.3%). Perbandingan bulan ke bulan, indeks Elektrik memulih kepada positif 5.5 peratus (Jun 2025: -4.6%)."

Melihat kepada prestasi beberapa negara lain, IPP terus meningkat termasuk Amerika Syarikat (1.4%), Korea Selatan (5.0%) dan Vietnam (11.8%). Sebaliknya, Jepun dan Thailand masing-masing mengalami kemerosotan 0.9 peratus dan 4.0 peratus pada Julai 2025.

Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi tujuh bulan pertama tahun 2025, Ketua Perangkawan berkata, "IPP bertumbuh pada kadar lebih sederhana iaitu 2.4 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (Januari - Julai 2024: 4.0%) dipengaruhi oleh indeks Pembuatan (4.1%). Sebaliknya, indeks Perlombongan dan indeks Elektrik masing-masing merekodkan penurunan 3.2 peratus dan 0.4 peratus."


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,  
Julai 2024 - Julai 2025**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia  
Julai 2024 - Julai 2025**




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia Jun 2025 dan Julai 2025**




**Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Julai 2024 - Julai 2025**



**Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Jun 2025 dan Julai 2025**



**Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Jun 2025 dan Julai 2025**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
11 SEPTEMBER 2025**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, September 11<sup>th</sup> 2025**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## **INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA**

**JULY 2025**

---

***Malaysia's Industrial Production Index improved to 4.2 per cent  
in July 2025, propelled by acceleration in the  
Manufacturing and Mining sectors***

**PUTRAJAYA, SEPTEMBER 11, 2025 –** The Industrial Production Index improved to 4.2 per cent year-on-year in July 2025, propelled by acceleration in the Manufacturing and Mining sectors. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, July 2025**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, “The Industrial Production Index rose at 4.2 per cent in July 2025 after recording a modest growth of 2.9 per cent in the preceding month. The expansion was primarily induced by Manufacturing sector, which increased by 4.4 per cent (June 2025: 3.6%), while the Mining sector rebounded to 4.3 per cent (June 2025: -0.01%). Moreover, the Electricity sector grew by 1.6 per cent, remaining positive albeit at a slower rate compared to 2.3 per cent in June 2025. In comparison with the preceding month, the IPI edged down to negative growth of 0.3 per cent, in contrast to the positive 7.5 per cent recorded in the previous month.”

*The Chief Statistician further commented, "The increase in Manufacturing output in July 2025 was supported by higher production in export-oriented industries by 4.1 per cent as against 2.9 per cent recorded in June 2025. This upturn was primarily led by the Manufacture of computer, electronics & optical products; and the Manufacture of machinery & equipment n.e.c., which registered increases of 8.5 per cent and 10.2 per cent, respectively. Furthermore, the Manufacture of furniture experienced a surge of 11.1 per cent during the month. The year-on-year expansion mirrored the country's manufactured goods export performance improved with a smaller decline of 1.5 per cent in July 2025. On a month-on-month comparison, the export-oriented industries fell by 2.2 per cent as against positive growth at 11.9 per cent in June 2025.*

*In the meantime, the domestic-oriented industries remained stable at 5.0 per cent as opposed to the increase of 5.1 per cent recorded in June 2025. The sustained growth was contributed by the positive momentum recorded in all sub-sectors except for Manufacture of paper & paper products which posted a decrease of 2.1 per cent in July 2025. The manufacturing output related to construction activities namely the Manufacture of basic metals; and Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment increased by 7.4 per cent and 4.1 per cent, respectively. In comparison with June 2025, the domestic oriented industries turned around to 1.0 per cent as compared to negative 3.1 per cent registered in the previous month."*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, "The production of Mining sector in July 2025 picked up by 4.3 per cent, underpinned by increase in both components where Crude Oil & Condensate index rebounded by 1.0 per cent (June 2025: -3.2%), followed by the Natural Gas index expanded further by 6.8 per cent (June 2025: 2.3%). As compared to the previous month, the Mining index moderated to a positive 2.2 per cent, down from the positive growth of 15.8 per cent recorded in June 2025. Meanwhile, Electricity generation grew by 1.6 per cent year-on-year in July 2025 (June 2025: 2.3%). On a month-on-month comparison, the Electricity index rebounded to a positive 5.5 per cent (June 2025: -4.6%)."*

*Looking at the performance of several countries, the IPI was increased further in United States (1.4%), South Korea (5.0%) and Vietnam (11.8%). Conversely, Japan and Thailand experienced a decline of 0.9 per cent and 4.0 per cent respectively in July 2025.*

*Concluding his statement on the IPI performance for the first seven months of 2025, the Chief Statistician said, "The IPI grew at a slower rate of 2.4 per cent as compared to the same period of the previous year (January - July 2024: 4.0%), influenced by the Manufacturing index (4.1%). Conversely, the Mining index and Electricity index recorded a decreased at 3.2 and 0.4 per cent, respectively."*

*ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15<sup>th</sup> ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to*


*strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.*

*Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67<sup>th</sup> position in the ODIN 2022/23 assessment.*


*The Government of Malaysia has declared October 20<sup>th</sup> as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20<sup>th</sup> October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.*

*OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,  
July 2024 – July 2025**




**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia  
July 2024 – July 2025**




**Chart 3: Manufacturing Index Growth by Sub-sector, Malaysia, June 2025 and July 2025**




**Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, July 2024 – July 2025**



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia, June 2025 and July 2025**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia, June 2025 and July 2025**



Released by: